



KENYATAAN MEDIA

HEBAHAN SEGERA

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DI ANTARA UTM DENGAN SAFETY HI-TECH ENGINEERING SDN. BHD. DAN ANKUG E&C MALAYSIA SDN. BHD. DALAM MENGEMBANGKAN BIDANG KEJURUTERAAN KEBAKARAN DAN KESELAMATAN.

Kuala Lumpur, 21 Disember 2016 - Majlis menandatangani memorandum persefahaman di antara Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan syarikat Safety Hi-Tech Engineering Sdn. Bhd. dan Ankug E&C Malaysia Sdn. Bhd. diadakan di Bilik Mesyuarat Canselori, Menara Razak, UTM Kuala Lumpur. Jalinan kerjasama ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran, amalan, latihan, perundingan dan penyelidikan seperti audit keselamatan kebakaran, kursus penilai keselamatan bertauliah mengikut standard amalan yang digunapakai oleh National Fire Protection Association (NFPA) Amerika Syarikat, melalui kolaborasi lanjutan bersama pihak BOMBA, SIRIM, jabatan dan kementerian yang berkaitan dengan keselamatan kebakaran di dalam bangunan. Memorandum persefahaman ini ditandatangani oleh Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid bin Omar, Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia, En. Ahmad Azhan bin Mohd Shapie, CEO Safety Hi-Tech Engineering Sdn. Bhd dan En. Brian Byungkug An, CEO Ankug E&C Malaysia Sdn. Bhd.

Antara manfaat lain yang boleh diperolehi hasil daripada kerjasama ini adalah;

- i. Membolehkan rakan kerjasama yang memiliki kepakaran dalam bidang kejuruteraan keselamatan kebakaran memberikan input bagi membuat penyelidikan, perundingan, pemasangan dan penilaian tahap keselamatan kebakaran di dalam bangunan-bangunan di Malaysia.
- ii. Menawarkan kursus dan melatih penilai bertauliah dalam bidang kejuruteraan keselamatan kebakaran mengikut piawaian nasional dan antarabangsa.

- iii. Menjalankan kursus pendek dan profesional serta menganjurkan seminar kesedaran tentang kepentingan mengaplikasi piawaian keselamatan kebakaran kepada institusi kerajaan, swasta dan industri.
- iv. Bekerjasama dalam projek-projek perundingan seperti audit keselamatan peralatan pencegah kebakaran serta servis bagi memohon *Fire Certificate* daripada pihak BOMBA untuk semua kategori bangunan.

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

DR. YAHYA BIN MOHAMAD YATIM
Pejabat OSHE UTM
Block M41,
Universiti Teknologi Malaysia,
81310 UTM Johor Bahru,
Johor Darul Takzim, Malaysia.
Tel no/Hp no. : 07 - 553 2000 / 012 - 7490208
Emel : b-yahya@utm.my

PM DR. MOHAMAD IBRAHIM BIN MOHAMAD
Pejabat UTMALUMNI
Universiti Teknologi Malaysia
81310 UTM Johor Bahru
Johor Darul Ta'zim
Tel no. :07-5536000
Emel : mibrahim@utm.my

DR. AZLAN BIN ABDUL LATIB
Pejabat UTMALUMNI
Universiti Teknologi Malaysia
81310 UTM Johor Bahru
Johor Darul Ta'zim
Tel no. :07-5536001
Emel : p-azlan@utm.my